

**Lebih 2,000 Dijangka Sertai Perhimpunan Perdana Pesara Kerajaan
Bernama
29 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Lebih 2,000 pesara dari seluruh negara dijangka menghadiri 'Perhimpunan Perdana Pesara Kerajaan 1Malaysia' di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, pada 19 Julai ini.

Kelab Pesara Kerajaan 1Malaysia (Kupekmas) berkata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dijadual berucap pada majlis bermula 2 petang itu.

"Perdana Menteri akan menyampaikan amanat kepada pesara-pesara dalam menghadapi cabaran hidup serta menjelaskan perancangan dan program untuk kesejahteraan rakyat negara ini, termasuk golongan pesara kerajaan," kata Kupekmas dalam kenyataan Jumaat.

Ia berkata mesyuarat jawatankuasa tertinggi (exco) Kupekmas yang dipengerusikan presidennya, Datuk Omar Osman yang berlangsung hari ini meminta semua pesara hadir menjayakan perhimpunan yang disifatkan bersejarah itu.

Untuk maklumat lanjut, urusetia Kupekmas boleh dihubungi di talian 03-2284 0548 atau 010-832 5688 (Hj Nasariddin), 012-422 3444 (Md Akhir) dan 012-936 2695 (Puan Norlia).

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=676997>